



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

# PUSTAKA

BULETIN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 1/2011

ISSN :0128 - 8679



## u-PUSTAKA PORTAL

Think Knowledge, Think u-Pustaka —

*Official Portal of u-Pustaka*

### MENARIK DI DALAM

- Tempah buku melalui U-Pustaka
- Akhbar sumber popular
- Seminar khas: Transformasi Perpustakaan Era Digital
- Mari membaca 1Malaysia bersama Datuk Michele Yeoh

### BANGSA MEMBACA



BANGSA BERJAYA

Projek u-Pustaka adalah projek untuk rakyat bagi meluaskan ilmu pengetahuan, selain menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat kearah melahirkan masyarakat berdasarkan ilmu pengetahuan. u-Pustaka menggabungkan lapan perpustakaan terpilih yang dikenali Konsortium u-Pustaka yang berperanan sebagai peneraju keilmuan, penyedia bahan bacaan, penerbit maklumat, pemelihara warisan dan pencetus kreativiti dan inovasi.

Pelancaran projek yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Perpustakaan Negara Malaysia telah dirasmikan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim. Melalui projek perintis u-Pustaka (Pustaka 1Malaysia) orang ramai boleh membeli buku dan setiap pesanan dihantar terus sehingga ke depan pintu rumah selain pembayaran dilakukan secara dala talian. Dengan projek ini, rakyat di seluruh Negara dapat menikmati keistimewaan pembayaran melalui Touch n Go dan Quick2Go.

**PENASIHAT**

**Dato' Raslin bin Abu Bakar**  
Ketua Pengarah PNM

**KETUA EDITOR**

**Encik Kamaruddin Mat Nata**  
Pengarah PPK

**EDITOR**

**Puan Salasiah binti Abdul Wahab**  
Timbalan Pengarah BPP  
**Encik Wan Mohamad Fazali bin Mohd Saleh**  
Penolong Pengarah Kanan BPD  
**Muhamad Zaki bin Yusof**  
Penolong Pengarah BPP

**WARTAWAN**

**Encik Mustapha Daud**  
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pemuliharaan  
**Encik Shahril bin Lariwoo**  
Penolong Pengarah BKNP  
**Cik Siti Diana binti Dahlan**  
Penolong Pengarah BPP  
**Cik Rosmini binti Ismail**  
Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan BGML  
**Encik Ishak bin Awang**  
Penolong Pegawai Perpustakaan Pusat Bibliografi Negara  
**Encik Ricaldo Geonan Majutin**  
Penolong Pegawai Perpustakaan BKP  
**Cik Cherana Anak Moh**  
Penolong Pegawai Perpustakaan Bahagian Pinjaman  
**Puan Salwana Fadzil**  
Penolong Pegawai Perpustakaan BPDK  
**Puan Shazila binti Johar**  
Penolong Pegawai Perpustakaan BRSP

**KOORDINATOR PENERBITAN**

**Encik Zulkefli Abd Samad**  
Ketua Bahagian Penerbitan

**PENTADBIR WEB JABATAN**

**Cik Nur Amalina binti Mohamad Anawa**  
Bhgn Teknologi Maklumat

**SUSUNATUR / GRAFIK**

**Encik Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya**  
Bahagian Penerbitan

*Dari Meja Ketua Editor*

KAMARUDIN MAT NATA

Assalamualaikum W.B.T, salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Tahun 2011 membuka tirainya dengan penuh bermakna. Tahun 2011 juga bermulanya era baru Malaysia khususnya Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam merencana perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program yang menjurus kepada 1Malaysia. Tahun 2011 merupakan detik penting selari dengan hasrat kerajaan membina Negara maju menjelang tahun 2020.

Pada keluaran kali ini, Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia menyajikan pembaca dengan berita-berita seperti pengwujudan perkhidmatan U-Pustaka. U-Pustaka adalah salah satu usaha PNM dalam menyediakan akses kepada gedung sumber ilmu pengetahuan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia tanpa sempadan masa dan lokasi. Ia juga menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan sosial dan ekonomi. PNM bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga POS Malaysia dengan disokong oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menjayakan perkhidmatan ini.

Pada keluaran ini juga, PNM ada memuatkan berita-berita aktiviti tetap PNM seperti Program-program Mari Membaca 1Malaysia, aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak dan juga mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan sepanjang Januari hingga April 2011. Disamping itu, keluaran kali ini ada memuatkan berita-berita mengenai kerjasama institusi-institusi lain dalam menjayakan aktiviti-aktiviti di PNM.

Semoga keluaran kali akan dapat manfaatkan lebih ramai masyarakat Malaysia dalam memartabatkan slogan PNM iaitu 'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya'. Akhir kata dari saya, Selamat maju jaya dan Salam 1Malaysia kembali.



Kamaruddin Mat Nata  
kamardin@pnm.gov.my

# U-Pustaka



Salah satu Book Drop yang terdapat di serata Perpustakaan di Lembah Klang yang menyertai konsortium U-Pustaka

**U**  
**P**  
**U**  
**S**  
**T**  
**A**  
**K**  
**A**

U-Pustaka adalah perkhidmatan penyampaian maklumat merentasi sempadan masa dan lokasi yang menyediakan akses kepada sumber ilmu pengetahuan secara fizikal dan digital dalam menyokong pembentukan masyarakat berilmu pengetahuan secara terangkum.

Projek Perintis u-Pustaka merupakan satu inovasi yang memanifestasikan usahama dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKKK), menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan sokongan Perpustakaan Negara Malsyia (PNM) yang turut menyertai Konsortium u-Pustaka yang dianggotai oleh perpustakaan seperti berikut :

- Perpustakaan INTAN Bukit Kiara
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS)
- Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP)
- Perpustakaan Negeri Sabah (PNS)
- Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka)
- Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)
- Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL)

Konsep Pustaka 1Malaysia adalah seperti berikut :

- Menyediakan akses kepada gedung sumber ilmu pengetahuan kepada seluruh lapisan rakyat tanpa sempadan masa dan lokasi,

Model Kiosk yang membolehkan pengguna menggunakan perkhidmatan Touch-n-Go bagi perkhidmatan U-Pustaka

- Menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan sosial dan ekonomi.
- Mendokong konsep 1Malaysia di dalam kalangan masyarakat berdasarkan ilmu pengetahuan.

Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan u-Pustaka:

Perkhidmatan peminjaman dan pemulangan u-Pustaka menyediakan akses kepada maklumat secara telus kepada Katalog Induk Kebangsaan (KIK) dan Sistem Pengurusan Perpustakaan (LMS) yang sedia ada di tujuh perpustakaan. Permohonan pinjaman menerusi Portal u-Pustaka berupaya untuk dirangkaikan kepada Gerbang Penghantaran oleh pihak Pos Laju dan Gerbang Pembayaran Tanpa Tunai oleh pihak MEPS dan Touch 'n Go bagi tujuan peminjaman, pemulangan, penempahan dan pembaharuan sumber-sumber fizikal pada bila-bila masa dan di mana sahaja.



## U-Pustaka

## UP&D, PNM perkenal buku klasik sains

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd (UP&D) telah memperkenalkan buku klasik sains fiksyen hasil karya L. Ron Hubbard. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Dasar dan Pembangunan Pendidikan, Dr. Khair Mohamad Yusof.

Karya Hubbard dipilih adalah kerana beliau adalah penulis terlaris New York yang dianggap berpengaruh dan aktif pada era 1930-an sehingga 1980-an.. Karya-karyanya terutama sains fiksyen adakalanya melampaui zaman termasuk cerita pengembaraan ke angkasa lepas yang ditulis sebelum Neil Armstrong tiba ke bulan. Justeru UP&D mengambil inisiatif untuk memperkayakan karya Hubbard yang bersesuaian untuk dijadikan bahan bacaan generasi muda di Negara ini. Kualiti dan kepelbagaiannya dalam karya Hubbard yang merentasi genre penerbitan mendorong UP&D untuk menterjemah dan menerbitkan lapan tajuk pilihan ke dalam bahasa Melayu.

Selain itu, pengedaran buku tersebut turut termasuk dalam bentuk audio di mana pembaca boleh mempelajari bahasa Inggeris yang betul, memperbaiki kosa kata dan pemahaman.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan keretapi Tanah Melayu (KTMB) berganding bahu memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat dengan melancarkan sebuah bank buku di Stesen KTM Ipoh. Bank buku tersebut dilancarkan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Maglin D'Cruz yang turut mengikuti siri kedua program membaca 1Malaysia, Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan dari stesen KTM Kuala Lumpur. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin bin Abu Bakar dan Pengurus Besar KTM Intercity, Mohd. Zain Mat Taha.

Program anjuran bersama PNM dan KTMB itu menghimpunkan pelbagai naskhah bahan bacaan untuk dibaca oleh orang ramai ketika berada dalam keretapi atau untuk dibawa pulang. Matlamat program tersebut adalah bagi menarik minat semua golongan di Negara ini supaya menjadikan membaca sebagai amalan dan budaya hidup seterusnya dapat menggalakkan semua orang khususnya golongan muda supaya menjadikan amalan membaca buku sebagai budaya berbanding membaca blog atau penulisan dari internet.

Program tersebut turut dihadiri oleh 250 peserta yang terdiri daripada ahli PNM, Kelab Membaca Sinar Pintar, murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah serta mahasiswa dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### Program membaca 1Malaysia : Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan



Timbalan Menteri KPKK, Senator Dato' Maglin Denis D'Cruz dan Ketua Pengarah Turut hadir memeriahkan program

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Pejabat Parlimen Julau, Jabatan Penerangan Megara alaysia dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) telah mengadakan satu Program "Mari Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia" di rumah panjang suku kaum Iban iaitu Rumah Ijam, Nanga Sebuntang, Julau, Sarrikei, Sarawak pada 21 Januari 2011. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Joseph Salang, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



## Program "Mari Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia"



Ucapan perasmian oleh Y.B Dato' Joseph Salang, Timbalan Menteri KPKK

Seramai 1,000 orang telah menyertai program ini dan mereka terdiri daripada Timbalan Residen Jabatan Bahagian Sarrikei, Wakil-wakil Jabatan Daerah Julau, Ketua-ketua Masyarakat Daerah Julau, Penduduk-penduduk Rumah Ijam, Nanga Sebuntang, Penduduk-penduduk rumah panjang berdekatan dan para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Julau.



Y.B Dato' Joseph Kalang merasmikan majlis

Penganjuran Mari Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia berjaya membuktikan bahawa PNM selaku Urusetia Program Galakan Membaca Peringkat Kebangsaan sama sekali tidak pernah meminggirkan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan pedalaman.

Program "Mari Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia" merupakan program galakan membaca yang berkonsepkan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk memperluas akses dan promosi galakan membaca dan pembacaan di luar bandar serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang keseronokan membaca, membentuk persekitaran membaca yang selesa seterusnya memupuk tabiat membaca sepanjang hayat.



Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM memberi kata-kata aluan

Di antara Pengisian aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung adalah seperti Perasmian Sudut Bacaan yang dilengkapi dengan 200 buah naskhah bahan bacaan dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Iban serta permainan pembelajaran i-Play Toy, Sesi motivasi oleh YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Sesi Jejak Maklumat (Info Hunt), Sesi Mewarna dan Pameran oleh Agensi-agensi kerajaan dan swasta (Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia Daerah Julau, Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Julau, Klinik Kesihatan Julau, Serakup Induk Dayak Sarawak dan Pegari Iban Production), Pertandingan Karaoke dan Ativiti Ilmu (Gali Kata, Bina Kata, Permainan Pembelajaran).

## **Pameran Warisan Ilmu UKM Sempena Sambutan 40 Tahun (1970 – 2010)**

Sempena sambutan 40 tahun penubuhan Universiti Malaysia Kebangsaan (UKM) satu pameran khas yang bertemakan Pameran Warisan Ilmu UKM : "Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan telah diadakan di Ruang Pameran, Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia bermula pada 22 sehingga 26 Mac 2011.

Pameran ini merupakan anjuran secara bersama antara PNM dan UKM bagi memberi peluang kepada orang ramai mengetahui dengan lebih dekat mengenai sejarah, perkembangan, pencapaian, kecemerlangan anugerah serta era pengiktirafan yang telah diterima oleh UKM sejak tahun 1970 sehingga 2010.

Majlis perasmian pameran ini telah diadakan pada 23 Mac 2011 dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah PNM Y.Bhg Dato' Raslin bin Abu Bakar. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UKM Encik Abu Bakar Maidin bersama beberapa pegawai lain dari UKM.

Sepanjang pameran ini berlangsung ia berupaya menyampaikan maklumat kepada masyarakat mengenai jejak-jejak sumbangan UKM kepada agama, bangsa dan negara. Selain itu ia juga melonjakkan UKM sebagai universiti kebangsaan yang telah berjaya memenuhi aspirasi rakyat bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam konteks ekosistem pendidikan negara beracuankan kebangsaan.

Pameran ini turut memberi gambaran dan maklumat yang jelas tentang usaha murni yang dilakukan oleh UKM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan di Malaysia yang bertaraf antarabangsa.

Pameran ini dipecahkan kepada 13 segmen yang meliputi:-

1. Bermulanya Gagasan Perjuangan (1930)
2. Penubuhan Sebuah Universiti (1970-an : Dekad Kelahiran)
3. Merealisasikan Harapan Bangsa (1980-an : Dekad Pengembangan)
4. Membina Jati Diri Kebangsaan (1990-an : Dekad Pemantapan)
5. Mencapai Cita-cita Negara (2000-2005 : Era Pengukuhan)
6. Membina Masa Depan Gemilang (2006-kini : Era Pengiktirafan)
7. Peningkatan Kesarjanaan dan Melestarikan Ilmu
8. Gerbang Kesarjanaan
9. Citra Cemerlang Mahasiswa UKM
10. Sekilas Pandang Sejuta Kenangan
11. Kembara Ilmu Dunia Akademia
12. Portal Malaycivilization.ukm.my – Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
13. UKM dalam Media

# MARI MEMBACA 1MALAYSIA

## BERSAMA

### DATUK MICHELLE YEOH



Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menerusi Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan program Mari Membaca 1Malaysia Bersama Datuk Michelle Yeoh pada 25 Mac 2011 (Jumaat) yang lalu bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

Objektif program Mari Membaca 1Malaysia Bersama Datuk Michelle Yeoh ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar tentang keseronokan membaca dalam persekitaran membaca yang selesa dan emupuk tabiat membaca sepanjang hayat dengan menjadikan ikon membaca sebagai idola agar dapat melahirkan generasi yang gemar membaca. Seramai 400 orang telah dijemput untuk bersama-sama memeriahkan program ini dan mereka terdiri daripada:

Pengisian aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung adalah seperti Mari Membaca 1Malaysia Bersama Datuk Michelle Yeoh, Sesi Motivasi YBhg Datuk Michelle Yeoh, Pameran Datuk Michelle Yeoh dan Sumbangan Bahan Bacaan bernilai RM5,000.00 untuk tiap badan kebajikan dan sekolah terpilih. Antara badan kebajikan dan sekolah yang menerima sumbangan bahan bacaan adalah Rumah Ilham (Yayasan Anak-Anak Yatim pinggir Taman Tun Dr. Ismail), Rumah Anak-anak Yatim dan Saudara Baru Shifa, Kompleks Darul Kifayah Kampung Baru, Rumah Nur Salam, Rumah Titian Kasih, Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Cacat Pendengaran) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan) Setapak



Sesi Mari Membaca 1Malaysia diadakan di Ruang Hadapan Perpustakaan Negara Malaysia



Penyampaian cenderahati oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim kepada Datuk Michelle Yeoh

Kesimpulannya, penganjuran Mari Membaca 1Malaysia Bersama Datuk Michelle Yeoh telah berjaya membuktikan bahawa Perpustakaan Negara Malaysia selaku Urusetia Program Galakan Membaca Peringkat Kebangsaan adalah sebuah agensi yang komited dalam menjayakan hasrat negara untuk menjadikan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca. Selaras dengan slogan Kempen Membaca iaitu Bangsa Membaca Bangsa Berjaya, usaha ini dilihat dapat membantu menanamkan minat membaca dan perasaan cintakan buku di kalangan masyarakat Malaysia.

# AKHBAR SUMBER POPULAR

Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Akhbar-akhbar IFLA 2011 International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA). Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Senator Maglin D'Cruz dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Dato' Raslin bin Abu Bakar, Pengerusi IFLA bahagian Akhbar Frederick Zarndt dan Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd. Saad.

Sempena Persidangan tersebut, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Datuk Maglin D'Cruz menyatakan bahawa Arkib Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia telah menyimpan dan memulihara naskhah-naskhah surat khabar lama termasuk akhbar Malay Mail terbitan 1 Disember 1896. Sehubungan itu, PNM telah mengumpul, mendokumentasikan dan memulihara sebanyak 622,000 naskhah surat khabar yang mengandungi 95 tajuk yang dicetak dalam pelbagai skrip dan bahasa. Justeru itu, surat khabar tetap akan menjadi bahan bacaan orang ramai di masa hadapan kerana ia adalah sumber pengisian yang integrasi di samping pendapatan iklan syarikat-syarikat akhbar tempatan meningkat 42 peratus dari RM2.7 bilion pada 2006 kepada RM3.9 bilion pada 2010.



**IFLA 25 - 27 April 2011**

INTERNATIONAL NEWSPAPER CONFERENCE 2011

Newspaper in Multiple Scripts; Multiple Languages: Issues and Challenges for National Heritage

Kuala Lumpur, Malaysia



Perasmian oleh Senator Datuk Maglin Denis D'Cruz Timbalan Menteri KPKK sambil diiringi oleh tetamu VIP yang lain

## Aktiviti-aktiviti kanak-kanak sepanjang Januari hingga April 2011 di PNM

Sepanjang bulan Januari hingga April 2011, Bahagian Pinjaman telah berjaya menjalankan sembilan aktiviti. Aktiviti ini merangkumi aktiviti yang diadakan sempena cuti sekolah dan juga sempena lawatan sekolah ke Perpustakaan Negara Malaysia. Selain itu, terdapat juga aktiviti yang dijalakan dengan kerjasama pelajar-pelajar IPTA. Aktiviti-aktiviti ini diadakan dengan objektif memupuk budaya membaca dari peringkat umur kanak-kanak

## 1. Aktiviti Sand Art Sempena Lawatan Tadika Tunas Permata, UKM

Tarikh	: 8 Februari 2011 (Selasa)
Masa	: 10.30 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	: Teater Kanak-kanak, aras bawah, PNM
Sasaran	: Kanak-kanak 4 – 6 tahun

Aktiviti ini diadakan khas bagi meraikan kanak-kanak dari Tadika Tunas Permata, Universiti Kebangsaan Malaysia yang datang melawat ke Perpustakaan Negara Malaysia. Mereka terdiri daripada 65 orang pelajar berumur antara 4 hingga 6 tahun dan diiringi tujuh orang guru pengiring. Dalam aktiviti ini, kanak-kanak terlibat diberikan satu set sand art yang terdiri daripada pelbagai corak dan perlu diwarnakan menggunakan pasir pelbagai warna yang terdapat dalam setiap set. Mereka diberi masa selama satu jam untuk menyiapkan hasil seni sand art masing-masing dengan bantuan daripada pihak penyelia aktiviti berserta guru-guru pengiring. Aktiviti ini dapat mewujudkan satu suasana bermain sambil belajar dengan menghasilkan satu seni mengikut kreativiti mereka. Misalnya dari aspek mengenal warna dan penghasilan seni atau corak menggunakan pasir pelbagai warna.



## 2. Mari Dengar Ini Cerita

Tarikh	: 19 Februari 2011 (Sabtu)
Masa	: 11.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	: Teater Kanak-kanak, aras bawah, Perpustakaan Negara Malaysia.
Sasaran	: Kanak-kanak 4 – 10 tahun

Aktiviti ini dikendalikan oleh kakitangan Bahagian Pinjaman. Cerita yang disampaikan adalah daripada koleksi buku yang terdapat di Perpustakaan Kanak-kanak. Kami memilih tema siri mengenal haiwan yang bertajuk Si Raja Rimba dan Eli Si Telinga Lebar. Cerita disampaikan dalam suasana santai dan di akhir sesi, kanak-kanak diberikan beberapa soalan berkaitan cerita yang disampaikan. Kanak-kanak yang berjaya menjawab soalan diberikan hadiah. Aktiviti ini sangat berfaedah kepada kanak-kanak. Selain mendengar cerita yang disampaikan, mereka juga dapat mengetahui beberapa fakta mengenai haiwan. Dengan adanya sesi soal jawab, ini dapat meransang minda kanak-kanak untuk berfikir mengenai sesuatu fakta dan memahami jalan cerita yang disampaikan oleh pencerita.

### 3. Ceritera Bumi Kita Bersama Pelajar Sarjana Sains Perpustakaan Dan Maklumat, UIAM

Tarikh	:	24 Julai 2010 (Sabtu)
Masa	:	11.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	:	Teater Kanak-kanak, aras bawah, PNM
Sasaran	:	Kanak-kanak 4 – 12 tahun

Kumpulan sasaran bagi aktiviti ini ialah pelajar sekolah berumur 4 hingga 12 tahun. Anggaran jumlah peserta ialah seramai 40 orang. Aktiviti ini dikendalikan oleh pelajar-pelajar Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bawah seliaan Doktor Haji Wan Ali, mantan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Aktiviti ini merupakan aktiviti bercerita yang berunsurkan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar bagi menyelamatkan bumi daripada pencemaran bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Cerita yang disampaikan juga dipilih daripada koleksi buku yang terdapat di Perpustakaan Kanak-kanak, PNM. Cerita yang disampaikan bertajuk Pekan Rabu. Pada akhir sesi, pencerita turut mengadakan sesi soal jawab dan setiap yang berjaya menjawab soalan diberikan hadiah. Selain sesi bercerita, aktiviti ini turut di meriahkan dengan persembahan menggunakan peralatan bahan semula daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak, Kuala Lumpur.



### 4. Sudut Kreatif: Kad Hari Jadi

Tarikh	:	12 Mac 2011 (Sabtu)
Masa	:	11.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	:	Teater Kanak-kanak, aras bawah, PNM
Sasaran	:	Kanak-kanak 6- 12 tahun

Aktiviti ini merupakan satu aktiviti ke arah menjana minda kreatif kanak-kanak. Di samping itu, dengan adanya aktiviti begini secara tidak langsung mampu menarik minat pembaca kanak-kanak untuk berkunjung ke perpustakaan terutama pada musim cuti sekolah. Dalam aktiviti ini, pihak urus setia membekalkan peralatan seperti pensel, pemadam, pensel warna, magic pen, kertas pelbagai warna, gunting dan sebagainya yang diperlukan untuk membuat dekorasi kad hari jadi. Kanak-kanak diberi tunjuk ajar dan panduan untuk menghasilkan kad hari jadi mengikut kreativiti masing-masing. Ilmu pengetahuan melalui penyertaan dalam aktiviti ini dapat dimanfaatkan untuk mengisi masa lapang pada cuti sekolah atau hujung minggu. Memandangkan aktiviti ini diilhamkan daripada koleksi buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Kanak-kanak, maka peserta turut dapat meminjam koleksi buku kraftangan tersebut.

#### 4. Let's Read With Talking Pen

Tarikh : 19 Mac 2011 (Sabtu)  
Masa : 11.00 pagi – 12.00 tengah hari  
Tempat : Teater Kanak-kanak, aras bawah, PNM.  
Sasaran : Kanak-kanak 5- 12 tahun

Objektif utama aktiviti ini ialah bagi mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan pembaca kanak-kanak yang berkunjung ke perpustakaan. Aktiviti ini berasaskan pembelajaran yang amat menyeronokkan. Hal ini kerana kanak-kanak dapat membaca buku cerita dengan bantuan talking pen. Dengan itu, mereka dapat menyebut perkataan-perkataan dalam Bahasa Inggeris dengan sebutan nahu yang betul dan dapat menambah penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris. Selain membaca dengan bantuan talking pen, kanak-kanak juga turut membuat aktiviti menampal pelekat berdasarkan kesesuaian gambar. Aktiviti ini juga turut mendapat liputan daripada akhbar Berita Harian dalam artikel yang bertarikh 5 April 2011. Selain itu, aktiviti ini merupakan satu pendekatan yang digunakan bagi menarik minat membaca yang lebih berkesan dan tidak membosankan kerana bukan sahaja hanya sekadar membaca malah dapat mendengar dan berseronok bersama kawan-kawan.



#### 5. Boneka Tangan

Tarikh : 15 Mac 2011 (Selasa)  
Masa : 11.00 pagi – 12.00 tengah hari  
Tempat : Teater Kanak-kanak, aras bawah, PNM.  
Sasaran : Kanak-kanak 5 – 12 tahun.

Penyertaan dalam aktiviti ini terbuka kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun. Sambutan adalah amat menggalakkan dan sasaran penyertaan telah tercapai. Dalam aktiviti ini, setiap peserta dibekalkan dengan alat tulis dan kertas warna. Mereka dikehendaki melukis melukis bentuk jari masing-masing untuk menghasilkan pelbagai bentuk lain seperti rama-rama, kucing dan sebagainya. Bentuk-bentuk yang mereka hasilkan diserikan kreativitinya dengan menggunakan pensel warna dan marker pen. Bentuk tersebut digunting dan dilekatkan pada sebatang lidi bagi menghasilkan boneka tangan mengikut kreativiti mereka. Melalui penglibatan dalam aktiviti ini, kanak-kanak dapat memperoleh ilmu baru dalam menghasilkan sesuatu yang menjana minda kreatif yang mungkin tidak pernah dilakukan di rumah atau di sekolah.

## 6. Sesi Bercerita Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 'Kak Mai Nak Cerita...'

Tarikh : 29 April 2011 (Jumaat)

Masa : 9.30 pagi – 11.00 pagi

Tempat : Pentas Utama, PWTC

Sasaran : Kanak-kanak 3 – 6 tahun

Kumpulan sasaran bagi aktiviti ini ialah pelajar sekolah berumur 4 hingga 6 tahun. Anggaran jumlah peserta ialah seramai 60 orang. Dalam aktiviti ini, cerita disampaikan oleh pencerita Jemputan iaitu Kak Mai. Cerita yang disampaikan ialah cerita dongeng bertajuk 'Timun Emas'. Cerita ini mengisahkan sepasang suami isteri yang tidak mempunyai anak. Namun akhirnya, berkat daripada kesabaran mereka, mereka mendapat pertolongan daripada raksasa yang memberi mereka biji timun untuk ditanam. Maka mereka mendapat seorang anak perempuan daripada sebiji timun emas. Sesi ini dihadiri seramai 60 orang kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun dan 10 orang guru serta kakitangan dari pada sekolah tadika agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP). Cerita disampaikan dalam suasana yang santai. Sesi ini juga turut diselitkan dengan beberapa soalan kuiz berkaitan dengan watak-watak dan jalan cerita yang disampaikan. Setiap pelajar yang dapat menjawab soalan diberikan sedikit hadiah sebagai ganjaran. Sebagai tanda penghargaan, pelajar-pelajar serta guru juga turut diberikan sedikit cenderamata.



Bercerita merupakan satu aktiviti yang sangat sesuai dengan perkembangan emosi diperingkat umur kanak-kanak. Bercerita juga dapat dijadikan alat untuk melatih kemahiran mendengar dan bertutur secara yang menyeronokkan. Selain itu ia juga dapat meningkatkan tahap kebolehan kanak-kanak berkomunikasi melalui pemikiran dan perasaan serta meluahkannya dalam bentuk oral yang teratur. Dalam dunia sekarang yang serba maju dan canggih, aktiviti bercerita dapat dijadikan alat untuk memupuk dan menyuburkan sifat-sifat peka pelajar terhadap kelebihan menguasai bahasa dengan baik. Selain itu, ia juga menyedarkan mereka bahawa adalah penting mereka mempunyai kemahiran mendengar yang baik bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan antara individu. Aktiviti ini perlu diteruskan pada masa akan datang. Hal ini kerana, aktiviti bercerita merupakan asas awal dalam memupuk budaya membaca dan sukakan buku di kalangan kanak-kanak.

# SEMINAR KHAS : TRANSFORMASI PERPUSTAKAAN ERA DIGITAL DAN MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN GUNASAMA KUMPULAN SOKONGAN SIRI 1/2011



KEMENTERIAN  
PENERANGAN  
KOMUNIKASI  
& KEBUDAYAAN



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

Pada 6 hingga 8 Mei 2011, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah mengadakan Seminar Khas : Transformasi Perpustakaan Era Digital dan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 1/2011.

Seminar khas dan mesyuarat ini telah diadakan di Permaisuri Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan dan telah dihadiri oleh kakitangan sokongan perkhidmatan gunasama perpustakaan daripada pelbagai jabatan dan agensi serta kakitangan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia yang terdiri daripada Gred S17 hingga Gred S38. Seramai 104 orang peserta telah menghadiri seminar khas dan mesyuarat ini.

Seminar khas ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan di dalam seminar khas ini. Kertas kerja I berjudul Inisiatif ICT Pemangkin Perkhidmatan Perpustakaan : U-Pustaka yang dibentangkan oleh Cik Nafisah binti Ahmad, Pengarah Perkhidmatan PERDANA, Perpustakaan Negara Malaysia.

Kertas kerja II pula berjudul Budaya Membaca Di Kalangan Penjawat Awam Pegawai Sokongan yang dibentangkan oleh Encik Muhamad Nor Azam bin Lajin, Penolong Pegawai Perpustakaan (K), Departemen Pembangunan dan Pengurusan Sumber Perikanan Marin, Kuala Terengganu. Puan Laili binti Abdullah, Penolong Pegawai Perpustakaan (K), Jabatan Perkhidmatan Awam pula telah membentangkan kertas kerja III yang berjudul Sepanjang Pengalaman Kepustakawan Pegawai Sokongan.

Sementara itu, kertas kerja IV yang berjudul Perpustakaan : Perspektif dan Hasrat Ketua Jabatan yang dibentangkan oleh Ybhg Dato' Yeow Chin Kiong, Pengarah Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mesyuarat bersama Pegawai Sokongan pula telah dipengerusikan oleh Cik Salbiah binti Mohammad Yusof, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia. Mesyuarat ini telah memberi peluang kepada ahli mesyuarat bertemu, berbincang dan memberi cadangan dan pandangan bersama-sama Pengurusan PNM. Pelbagai isu telah dibincangkan sepanjang mesyuarat berlangsung. Selain itu, ahli mesyuarat juga dapat berkenalan dan mewujudkan jalinan kerjasama antara mereka dan PNM.



13  
*Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya*



## LAWATAN KERJA PENERBIT BUKU PTS KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat penerbitan buku bacaan umum berbahasa melayu telah melakukan lawatan sambil belajar ke Pusat Kebangsaan ISBN, Pusat Bibliografi Negara pada 5 April 2011. Rombongan tersebut di ketuai oleh Encik Fauzul Na'im Ishak, selaku Pengarah Urusan PTS telah diberikan penerangan secara terperinci berhubung dengan proses permohonan ISBN dan pemberian Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP) serta keperluan penerbit dalam mendapatkan PDP secara lebih efisien serta tanggungjawab penerbit setelah buku-buku yang diterbitkan untuk diserahkan kepada Pusat Penyerahan Terbitan Negara selaras dengan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Rombongan tersebut telah di beri sambutan oleh Tuan Haji Mohd Din Ahmad, Timbalan Pengarah, Pusat Bibliografi Negara dan taklimat disampaikan oleh Cik Wan Nur Azman Wan Asik. Di akhir lawatan ini, Encik Fauzul Na'im bagi pihak PTS mengucapkan ucapan terima kasih kepada PNM dan berharap hasil dari lawatan ini akan memperkuatkan hubungan dua hala antara PTS dan Pusat Kebangsaan ISBN dan akan sentiasa terjalin dari masa kesemasa.



Bergambar kenangan di hadapan Pusat Bibliografi Negara, PNM

## BENGKEL JILIDAN HALUS DI ARKIB NEGARA MALAYSIA

Pada 16 hingga 30 Mac 2011 yang lalu, Kakitangan Bahagian Pemuliharaan Perpustakaan Negara Malaysia telah menghadiri Bengkel Jilidan Halus yang dikendalikan oleh Pegawai dari Arkib Negara Malaysia. Bengkel ini merupakan salah satu bengkel yang dirancang oleh Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi bagi tahun 2011. Ini bertujuan untuk memastikan ilmu berkaitan Jilidan Halus dapat dikongsi bersama semua Pembantu Pemeliharaan di Arkib Negara, Cawangan Negeri dan juga kepada Pembantu Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara objektif bengkel ini adalah Untuk memberi pendedahan dan kefahaman atas mengenai teknik Jilidan Halus, Menambahkan ilmu pengetahuan dan kapakaran Pembantu Pemuliharaan bagi menghasilkan Jilidan Halus dan meningkatkan rasa tanggungjawab Pembantu Pemuliharaan berhubung kepentingan memelihara bahan – bahan Arkib. Semasa di Arkib Negara Malaysia, ceramah telah disampaikan oleh Encik Kamaruddin Pembantu Pemuliharaan Arkib Negara Malaysia yang mempunyai pengalaman 30 tahun dalam bidang jilidan dan En. Hamdan Pembantu Pemuliharaan Arkib Negara Malaysia. Antara kakitangan PNM yang hadir semasa bengkel tersebut adalah Norsuziyana Mat Nasib dan Raedzamuddin b. Abdul Rashid.

14  
*Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya*



SAMBUNGAN.....


## BENGKEL JILIDAN HALUS DI ARKIB NEGARA MALAYSIA

Faedah-faedah yang dapat diperolehi daripada bengkel ini adalah dapat memberi pendedahan serta menambahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran Pembantu Pemuliharaan mengenai teknik dan kaedah yang digunakan bagi menghasilkan jilidan halus. Jilidan Halus adalah seni yang menggunakan kulit binatang dan meninta tajuk / hiasan kulit luar dengan menggunakan tangan . Bahan dijahit dengan teliti dan kulit digunakan untuk membuat kekulit berserta hiasan tinta emas. Bahan Nadir yang mempunyai nilai yang tinggi sesuai digunakan bagi penghasilan jilidan halus ini .Proses kerja yang halus dan teliti memerlukan kesabaran dan kepakaran Pembantu Pemuliharaan. Pembantu Pemuliharaan diberi pendedahan penggunaan peralatan yang penting untuk menghasilkan Jilidan Halus.

Peserta dapat mempelajari sesuatu yang unik lagi halus tentang kehalusan jilidan yang mempunyai proses kerja yang rumit dan mencabar. Pengalaman dari tenaga pengajar yang mempunyai ilmu serta kepakaran yang tinggi dalam penghasilkan sesuatu yang seni yang halus.Ini merupakan ilmu berharga yang perlu kami praktikan dalam menghasilkan sesuatu teknik baru dalam kerja penjilidan . Keunikan hasil kerja yang halus yang mana memerlukan ketelitian dan tumpuan yang mana akhirnya dapat memberi satu kepuasan kepada kami peserta kursus .

Jilidan Halus merupakan suatu ilmu bagi mempertingkatkan kepakaran dan kesabaran untuk menghasilkan suatu bahan yang bernilai tinggi . Terima Kasih diatas kerjasama Pegawai atasan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia , Penolong Pengarah Bahagian Pemuliharaan dan Arkib Negara kerana telah memberi kami peluang mengikuti Bengkel ini yang banyak manfaat kepada kami Pembantu Pemuliharaan .

Semoga bengkel ini dapat membantu PNM dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada pengguna.



15  
*Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya*

